

NO SOALAN : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN
CHUA
(BATU)**

**TARIKH : 22.03.18
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kenapa tentera Malaysia masih di Yemen. Bilakah mereka dijangka pulang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak menempatkan sebarang trup atau aset di Yaman. Trup ATM ditempatkan di Pangkalan Hadapan di *Prince Sultan Air Base*, Riyadh, Arab Saudi dengan tugas utama untuk bersiap sedia bagi rancangan evakuasi rakyat Malaysia yang masih berada di Yaman. Keselamatan rakyat Malaysia adalah pertama dan paling utama.